

**MUHAMMAD HELMY** Abd. Gapar

Universiti Kebangsaan Malaysia

**NURZALYNA** Mohamed Zaki

Universiti Utara Malaysia

## **BUDAYA KEPENYOKONGAN SUKAN BOLA SEPAK SEBAGAI TAPAK INTEGRASI: PENELITIAN TERHADAP KELOMPOK ULTRAS MALAYA**

### ***CULTURE OF FOOTBALL SUPPORTERS AS A PLATFORM OF INTEGRATION: A STUDY OF ULTRAS MALAYA***

*Sejak tahun 1970an lagi, pihak kerajaan mengalakan fokus kepada membina perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Hal ini diusahakan secara serius melalui pelaksanaan beberapa dasar-dasar utama seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Matlamat kedua-dua dasar ini adalah untuk mewujudkan Perpaduan Nasional yang diidam-idamkan. Salah satu elemen yang dimuatkan dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berkaitan dengan aktiviti sukan. Melalui aktiviti sukan, pihak kerajaan percaya bahawa ia mampu untuk menjambatani hubungan antara kaum, selain memupuk rasa sepanya dan sekaligus membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan warga. Akan tetapi perlu disedari bahawa cakupan mengenai aktiviti sukan terlalu luas untuk diterokai. Ditambah pula, kajian mengenainya amat kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana tempatan, meskipun ia sering diungkapkan secara meluas. Disebabkan perkara tersebut, maka peri penting untuk memilih aspek utama yang terkandung dalam aktiviti sukan untuk dijadikan topik perbincangan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini memfokuskan perbincangan mengenai kewujudan kelompok penyokong sukan bola sepak yang menamakan diri mereka sebagai Ultras Malaya. Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, kelibat Ultras Malaya sedikit sebanyak memperlihatkan sinar bahawa sukan bola sepak mampu untuk menjambatani hubungan antara kaum. Ia dipaparkan melalui sikap kepenyokongan yang ditunjukkan oleh kelompok tersebut. Untuk melihat perkara tersebut, peri penting untuk kembali melihat sejarah penubuhan Ultras Malaya serta menilai bagaimana aspek kepenyokongan yang ditampilkan oleh Ultras Malaya boleh dijadikan sebagai medium kepada tapak integrasi. Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif. Manakala data primer diperolehi berdasarkan temu bual bersama penyelaras Ultras Malaya, selain daripada penyertaan secara langsung penulis ke*

*dalam kelompok tersebut.*

**Kata kunci:** *Ultras, Ultras Malaya, Perpaduan, penyokong, bola sepak.*

*Since the 1970s, the government has been focusing on building unity among multi-racial communities. This is being taken seriously through the implementation of several key policies such as the New Economic Policy (NEP) and the National Cultural Policy. The goal of both policies is to create an ambitious National Unity. One of the elements contained in the National Cultural Policy relates to sports activities. Through sports activities, the government believes that it can foster inter-racial relations, in addition to fostering common sense and at the same time stimulating the spirit of nationalism among societies. However, it should be noted that the scope of sports activities is too broad to explore. In addition, studies about it have received little attention from local scholars, although they are widely reported. Because of this, it is important to choose the main aspects of sports activities to be the topic of discussion. Therefore, this paper focuses on the existence of a group of football supporters who call themselves Ultras Malaya. Since 2007, the involvement of Ultras Malaya has shown a lot of light that the sport of football is capable of bridging race relations. It has been shown by the attitude of the group. To see these things, it is very important to go back to the history of the establishment of Ultras Malaya and also require that the aspect of uniqueness displayed by Ultras Malaya that can be used as a medium for integration platform. This paper uses a qualitative approach. While primary data were obtained based on interviews with the Ultras Malaya coordinator, apart from the direct involvement of the authors in the group.*

**Keywords:** *Ultras, Ultras Malaya, unity, supporters, football.*

## **Pengenalan**

Sebagai sebuah negara bekas jajahan kolonial kerencaman etnik yang dimiliki oleh Malaysia bukanlah sebuah pilihan. Ia merupakan satu legasi yang bersifat ‘paksaan’ akibat daripada kesan penjajahan kolonial British sekita abad ke-18 silam.<sup>1</sup> Oleh yang demikian, pihak kerajaan khususnya tidak mempunyai pilihan selain mengurustadbir kepelbagaian tersebut agar perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku, seperti peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadi antara detik hitam dalam pensejarahan negara sebagai sebuah negara berbilang kaum. Oleh yang demikian, bukanlah sesuatu yang menghairankan jika pihak

kerajaan khususnya terus-menerus berusaha untuk memperkukuh ikatan antara masyarakat melalui pelaksanaan dasar-dasar utama negara yang kebanyakan objektifnya adalah memberi fokus ke arah mencapai perpaduan di peringkat nasional.

Seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menyasarkan objektif serampang dua mata,<sup>2</sup> Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang juga dilancarkan pada tahun yang sama turut memfokuskan ke arah pembinaan perpaduan. Ia boleh diperhatikan dengan melihat objektif pertama yang dikemukakan melalui pelaksanaan dasar ini. Akan tetapi, perbezaan yang memisahkan antara kedua-dua dasar ini adalah melalui strategi pelaksanaannya. Strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru memberikan perhatian terhadap rangsangan gerak kerja yang bersifat ekonomi yang dipandu oleh objektif yang dikemukakan.<sup>3</sup> Manakala strategi pelaksanaan yang digariskan oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan pula memberi fokus kepada perihal yang bersifat sosiobudaya seperti aktiviti kesenian dan sebagainya<sup>4</sup> yang sekaligus mampu untuk membentuk atau mengekalkan identiti kebangsaan walaupun memiliki latar belakang budaya yang berbeza-beza.<sup>5</sup>

Cakupan makna kebudayaan memiliki pendefinisian yang luas serta pelbagai. Oleh yang demikian, takrifan yang diberikan oleh para sarjana lazimnya memiliki perbezaan-perbezaan tertentu. Namun begitu secara harfiahnya, kebudayaan boleh dimaknai sebagai satu cara hidup yang kompleks merangkumi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat-istiadat, serta perkara-perkara lain yang melibatkan perlakuan dalam anggota masyarakat. Dalam konteks Malaysia, Mohd Taib Osman berpandangan bahawa takrifan kebudayaan perlu bersifat lebih dinamik dan tidak statik terhadap sesuatu perkara yang bersifat homogen, memandangkan komposisi masyarakatnya yang rencam serta memiliki kepelbagaian budaya daripada kesemua etnik yang terangkum di dalamnya.<sup>6</sup> Takrifan ini dilihat selari dengan pendekatan integrasi<sup>7</sup> yang dipraktikkan oleh pihak kerajaan dalam menguruskan kepelbagaian etniknya. Dengan paduan antara takrifan dan juga praktik pelaksanaan, maka bukanlah menjadi sesuatu yang janggal jika salah satu objektif dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk membangun identiti yang bersifat kebangsaan tanpa menghapuskan identiti primordial yang diwarisi turun-temurun.

Sejak tahun 1970an, mewujudkan perpaduan dan identiti nasional menjadi semacam idiom penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, pihak kerajaan mendirikan beberapa institusi dan agensi telah dibangun untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Antara agensi penting yang diwujudkan oleh pihak kerajaan adalah Jabatan Perpaduan Negara yang khusus berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab mempromosi, serta mendidik masyarakat untuk mencapai perpaduan.<sup>8</sup> Selain, terdapat satu lagi agensi kerajaan yang ditubuhkan dan fungsinya lebih kurang sama dengan fungsi agensi khusus, tetapi dibezakan dengan ciri dan pelaksanaannya. Agensi

tersebut adalah Majlis Sukan Negara (MSN) yang ditubuhkan pada 1971<sup>9</sup> dan diletakkan dalam bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Namun begitu, peranan MSN sedikit terpinggir jika dibandingkan dengan fungsi agensi-agensi yang lain, memandangkan fokus utama pihak kerajaan pada waktu itu lebih tertumpu kepada pembangunan ekonomi yang dirasakan mampu memberi impak yang lebih berkesan.<sup>10</sup> Walau sedikit terpinggir, kerajaan mengakui bahawa aktiviti sukan merupakan salah satu mekanisme yang berkesan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan warga.<sup>11</sup> Oleh yang demikian, pihak kerajaan menerusi Majlis Sukan Negara mengambil inisiatif untuk campur tangan dalam perihal sukan tanah air melalui dua pendekatan iaitu pendekatan pengurusan dan juga pendekatan polisi.<sup>12</sup> Campur tangan ini adalah untuk memastikan aktiviti sukan terus menjadi salah satu mekanisme ke arah pembentukan perpaduan dan pada masa yang sama, aktiviti sukan tanah air dapat dibangun dengan jayanya.

Sehingga sekarang, hasrat dan harapan pihak kerajaan untuk mewujudkan perpaduan melalui sukan terus berlangsung. Ia dimanifestasikan melalui kempen-kempen serta acara-acara sukan yang diadakan di peringkat nasional seperti *Sport for All*, Hari Sukan Malaysia dan sebagainya. Namun, perkara tersebut hanya memfokuskan pada peringkat pelaksanaan dan juga polisi sahaja, atau dalam kata yang lain, pelaksanaan daripada autoriti yang bersifat *top-down*. Pihak kerajaan memberi fokus kepada perihal yang bersifat struktural dan sistematik seperti mengadakan program-program yang bersifat pengajuran, festival dan seumpunya. Sedangkan kesedaran pihak kerajaan akan pentingnya peranan sukan dalam membentuk perpaduan tidak hanya dibentuk melalui perihal yang bersifat struktural, tetapi juga boleh dihadirkan melalui perihal yang bersifat organik atau *bottom-up*. Perkara ini diakui sendiri melalui teks ucapan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak semasa merasmikan Majlis Sukan Negara, meskipun teks tersebut tidaklah menyebut secara jelas akan peranan penyokong.<sup>13</sup>

Walaupun menyedari akan peri penting penglibatan warga dalam membentuk perpaduan melalui sukan, namun penelitian yang bersifat *bottom-up* kurang mendapat perhatian, meskipun acap kali diungkapkan melalui media elektronik dan media cetak. Oleh yang demikian, kertas kerja ini mengajukan dua persoalan penting untuk dipertanyakan. Pertama, apakah medium masyarakat dalam mewujudkan perpaduan melalui sukan dan bagaimanakah ia dibentuk. Kedua-dua persoalan yang dinyatakan menjadi inti utama perbincangan dalam kertas kerja ini.

## **Fokus, Objektif Dan Pendekatan Kajian**

Sukan bukanlah sesuatu aktiviti asing kepada masyarakat. Ia telah pun dimainkan sejak dahulu lagi dan terus berkembang sehingga sekarang. Dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai bentuk dan jenis aktiviti yang seringkali

menjadi pilihan masyarakat sama ada sebagai aktor mahupun sebagai peminat dan penyokong. Antara jenis aktiviti sukan yang paling popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah sukan bola sepak. Sejak diperkenalkan kepada warga ketika era pemerintahan British pada awal abad ke-20, populariti sukan bola sepak di Malaysia semakin meningkat.<sup>14</sup> Peningkatan populariti sukan bola sepak ini tidak lain tidak bukan dibantu oleh peranan daripada para penyokong, selain dibantu oleh peranan media dan pihak kerajaan dalam langkah mempromosinya.

Namun begitu, aktiviti sukan bola sepak adalah sebuah lapangan yang luas untuk diterokai. Oleh yang demikian, fokus utama kajian berkaitrapat dengan salah satu aspek yang menyebabkan sukan bola sepak menjadi aktiviti yang popular dalam kalangan masyarakat iaitu penyokong. Penyokong merupakan salah satu aktor terpenting dalam sukan bola sepak. Ia tidak hanya berfungsi sebagai pemangkin kepada semangat pasukan dan sumber ekonomi – melalui pembelian tiket dan barangan sukan – tetapi juga sebagai aktor yang berpontensi untuk membina hubungan antara masyarakat sama ada berdasarkan minat,<sup>15</sup> ataupun didorong oleh aspek-aspek lain seperti nasionalisme mahupun ideologi. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada kelompok *Ultras Malaya* yang pada masa ini sering menjadi topik perbualan hangat oleh media hasil daripada kelibat mereka yang dikatakan telah mengembalikannya kemeriahan sukan bola sepak tanah air.<sup>16</sup>

Objektif yang ingin dicapai dalam kertas kerja ini cukup sederhana. Antaranya objektif tersebut adalah untuk melihat pembentukan budaya *ultras* di Malaysia, selain menilai fungsi dan peranannya yang dilihat mampu untuk menjadi salah satu medium kepada mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui aspek *kepenyokongan*.<sup>17</sup> Untuk mencapai objektif tersebut, kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis data yang diperolehi hasil daripada pemerhatian lapangan khususnya ketika pasukan kebangsaan menghadapi perlawanan antarabangsa. Selain itu, data primer diperolehi hasil daripada temubual separa struktur bersama dua orang informan yang diadakan berasingan.<sup>18</sup> Kedua-dua orang informan ini merupakan antara ‘orang kuat’ kelompok *Ultras Malaya* dan terlibat secara langsung dengan pergerakan *Ultras Malaya*.

## **Pembentukan Budaya *Ultras* Dalam Sukan Bola Sepak**

Berdasarkan catatan daripada beberapa orang sarjana yang meneliti perkembangan budaya penyokong bola sepak, budaya *Ultras* dikatakan bermula di Itali pada penghujung tahun 1950an.<sup>19</sup> Namun begitu, pandangan mengenai asal-muasal *ultras* ini menjadi perdebatan hangat dalam kalangan sarjana mahupun para warga kerana ada pendapat yang menyatakan bahawa budaya semacam *ultras* ini telahpun wujud di Amerika Selatan pada tahun 1930an, khususnya di Brazil dan Argentina.<sup>20</sup> Namun, disebabkan pengaruh

penggunaan bahasa yang berbeza, kelompok penyokong tersebut tidaklah menggunakan frasa *ultras* – sebagaimana di beberapa buah negara Eropah seperti di Itali dan Jerman – tetapi menggunakan frasa sebagai *torchidas organizadas* (Brazil) dan *Barra Brava* (Argentina) yang karekter serta peranannya tidak jauh berbeza dengan kumpulan *ultras* di Itali dan *hooligan* di England.<sup>21</sup>

Berdasarkan penelitian daripada Testa<sup>22</sup>, etimologi perkataan *ultra* adalah berasal daripada wacana politik yang berlaku di Perancis ketika era Pemulihan Semula 1815-1830. Wacana tersebut terpecah kepada dua kelompok iaitu *ultra-royaliste* yang memihak kepada kesetiaan kepada monarki mutlak (Absolute Monarchy) dan juga kelompok Pencerahan (Enlightenment) yang menyokong kepada kebebasan individu dan hak asasi manusia. Ia kemudian digunakan oleh kelompok penyokong kelab bola sepak Sampdoria A. C di Itali untuk mengidentifikasikan diri mereka. Menurut informan yang pernah berkunjung ke Itali untuk tujuan membina jaringan sosial, kelompok yang dibentuk oleh penyokong Sampdoria A.C ini menambah huruf ‘S’ dibelakang perkataan *ultra* yang kemudiannya menjadikan ejaannya menjadi *Ultra-S*. Penambahan huruf ‘S’ itu sebenarnya adalah merujuk kepada kelab Sampdoria A.C.<sup>23</sup> Kekeliruan ini tidak dipedulikan dan pada penghujung tahun 1970an, konsep *ultras* mula berkembang dan menjadi semacam trend dalam kelompok penyokong kelab bola sepak tidak hanya di Itali, tetapi merebak ke seluruh kelab-kelab di Eropah<sup>24</sup> dan tidak terkecuali di Asia.

Para sarjana menanggapi perkembangan *ultras* ini adalah selari dengan tumbuhnya sub-budaya (subculture) dan budaya kontra (counterculture) baharu di Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun 1970an.<sup>25</sup> Sub-budaya difahami sebagai satu set budaya yang terlahir daripada budaya dominan sesebuah masyarakat, tetapi dibezakan dengan set kepercayaan, nilai, dan juga norma.<sup>26</sup> Manakala budaya kontra pun didefinisikan sebagai satu bentuk budaya baharu yang menolak secara penuh budaya dominan yang wujud dalam sesebuah masyarakat.<sup>27</sup> Sub-budaya dan budaya kontra ini hadir dalam pelbagai bentuk hasil sama ada ia dipengaruhi oleh minat terhadap perkembangan fesyen, seni, falsafah, muzik, sastera, filem dan sebagainya.<sup>28</sup> Menurut Cohen,<sup>29</sup> sub-budaya dan budaya kontra yang muncul pada tahun 1970an adalah berkesinambungan daripada sub-budaya yang muncul pada dekad sebelumnya. Ia adalah sebahagian daripada kesan Perang Dunia Kedua yang kemudiannya membawa kepada kemelut ekonomi pada tahun 1950an dan 1960an, sekaligus membentuk semacam satu gerakan kolektif kelas pekerja yang menentang kelompok dominan.<sup>30</sup>

Antara sub-budaya dan budaya kontra yang terkenal pada dekad 70an adalah *punk*, *skinhead*, *hippies*, *metalheads* dan juga *mods*. Lazimnya, sub-budaya dan budaya kontra yang terbentuk memiliki pegangan mereka sendiri dalam menjalani kehidupan. Sub-budaya *punk* sebagai contoh, dikenali dengan aliran muzik yang rancak dan bising, serta ideologi kiri dan sikap

berontak yang menjustifikasikan akan ketidakakuran terhadap autoriti, selain bersifat pesimis dan menentang budaya kapitalisme dalam masyarakat.<sup>31</sup> Menariknya, budaya ini diserap masuk ke dalam ruang kepenyokongan dalam sukan bola sepak. Sebagai contoh di bandar Hamburg, penyokong FC St. Pauli begitu dikenali kerana kerana pernyataan sikap para penyokongnya yang memihak kepada amalan sub-budaya *punk*, selain memilih jalur politik kiri yang cenderung kepada sikap *anti-establishment* dan anti-komersialisasi.<sup>32</sup> *Ultras Sankt (St.) Pauli* meraikan kepelbagaian dan menolak unsur-unsur yang berbaur perkauman, ketidaksamaan gender, perbezaan kelas sosial dan sebagainya. Ia dinyatakan secara jelas melalui slogan-slogan, poster, *flyer*, sorakan (*chanting*), serta sikap yang mereka paparkan sama ada di stadium mahupun di luar stadium.

Perkara yang hampir serupa juga turut berlaku di beberapa buah negara di sekitar Eropah, tetapi dengan nada serta pegangan yang berbeza. Di England sebagai contoh, pada kemuncak tumbuhnya sub-budaya dan budaya kontra di tahun 1970an, kelompok *skinheads* yang merupakan kelas pekerja melampiaskan *fetish* mereka dengan menyatakan sokongan kepada kelab-kelab bola sepak di daerah mereka.<sup>33</sup> Clarke menyatakan bahawa kelompok *skinheads* tidak hanya menyatakan sokongan sebagai satu dasar kepada solidariti atau representasi terhadap sesuatu kawasan, tetapi juga sebagai pemaparan identiti, budaya, serta kebanggan kawasan tersebut.<sup>34</sup> Keadaan ini kemudiannya menciptakan konflik antara para penyokong sehingga wujudnya konsep *rivalries*, *old firm derbies*, *local derbies* yang merujuk kepada pertentangan antara dua kelab. Ia tidak hanya dipersembahkan di dalam lapangan hijau, tetapi juga diluar lapangan melalui kekacauan dan pergaduhan antara kelompok penyokong, atau lebih dikenali sebagai *football hooliganism*.<sup>35</sup>

Selain daripada perkembangan dan pertautan daripada sub-budaya, aspek pensejarahan dan perbezaan budaya juga menjadi salah satu medium kepada tumbuhnya kelompok *ultras*. Di negara-negara bekas jajahan Soviet misalnya, pertumbuhan ultras adalah disebabkan perbezaan etnik, budaya dan perjuangan nasionalis antara kelompok minoriti – etnik Croats – dan kelompok majoriti – Serbs.<sup>36</sup> Sebelum dan selepas runtuhnya Soviet dan Kesatuan Yugoslavia, kedua-dua etnik ini sudah memaparkan pertentangan antara satu sama lain. Konflik tersebut tidak hanya dilampiaskan melalui peperangan, tetapi juga dalam aspek kepenyokongan dalam sukan bola sepak. Perasovic dan Mustafic<sup>37</sup> menanggapi pertentangan ini adalah hasil daripada memori budaya (*cultural memory*) yang terpendam antara kedua-dua etnik dan dipaparkan melalui kelompok kepenyokongan *ultras*. Situasi yang berlaku ini boleh ditanggapi sebagai konflik horizontal yang melibatkan antara etnik. Turut terjadi juga konflik vertikal antara institusi politik, seperti yang berlaku di Serbia antara dua kelompok ultras – *Delije* (Red Star Belgrade) yang mewakili rakyat dan *Grobari Jug* (Partizan Belgrade) yang mewakili



pemerintah. Pertentangan yang digelar sebagai *eternal derby*<sup>38</sup> seringkali menjadi sorotan media tidak hanya kerana kemeriahannya, tetapi juga siri pergaduhan yang berlaku antara penyokong disebabkan perbezaan pandangan politik antara rakyat dan pemerintah.

Sehingga ke hari ini, fenomena *ultras* semakin berkembang pesat. Malah, kebanyakan kelompok *ultras* di Eropah misalnya, mengadakan jaringan transnasional dengan kelompok *ultras* yang lain. Sebagai contoh, jaringan yang terbina antara Ultras Sankt Pauli (FC St. Pauli) dengan The Green Brigade (Glasgow Celtic). Menurut McDougall,<sup>39</sup> kedua-dua berkongsi pandangan yang hampir sama iaitu memperjuangkan politik kiri, menolak rasisme, mengangkat budaya tempatan, dan mencabar aktiviti komersialisme yang dianggap sebagai agen kapitalisme sukan bola sepak. Perkembangan *ultras* di Eropah memberi kesan terhadap pertumbuhan kelompok *ultras* di Malaysia. Sejak tahun 2007, lanskap kepenyokongan di Malaysia mula menampakkan perbezaan daripada sebelumnya. Selepas berakhirnya Piala Asia 2007, kemunculan satu kelompok penyokong yang menamakan diri mereka sebagai *Ultras Malaya* (UM07) menjadi sorotan media sukan negara. Jika pembentukan *ultras* di Eropah adalah disebabkan pensejarahan, perkembangan sub-budaya, perbezaan pandangan politik, serta tumbuh dalam bentuk mikro; berdasarkan kawasan, di Malaysia pula berbeza pertumbuhannya. Perkara ini akan dibahas dengan lebih lanjut dalam subtopik berikutnya.

## Ultras Dan Identiti Kepenyokongan

Perkembangan pesat budaya *ultras* di Eropah pada tahun 1970an menjadi topik utama perbincangan dalam kalangan sarjana Barat, khususnya dalam kalangan sarjana yang memberi fokus terhadap perkembangan budaya kepenyokongan dalam sukan bola sepak. Perubahan lanskap serta perkembangan yang berlaku dalam sukan bola sepak pada tahun 1970an, khususnya dalam kalangan penyokong dianggap telah mewujudkan semacam satu identiti baharu, sebagaimana yang ditanggapi dengan kritis oleh para sarjana sebelumnya.<sup>40</sup> Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa *ultras* hanyalah sebahagian daripada kelompok penyokong dan tidak mewakili keseluruhan penyokong. Oleh yang demikian, identiti *ultras* perlu diperjelaskan dan dibezakan dengan kelompok penyokong yang lain.

Antara sarjana awal yang menganalisis pembentukan identiti penyokong bola sepak di Eropah adalah Critcher.<sup>41</sup> Melalui artikel beliau yang bertajuk *Football since the war*, Critcher yang menggunakan dan memperhalusi pandangan yang dikemukakan oleh Taylor<sup>42</sup> yang melihat pembentukan identiti penyokong pada tahun 60an dan 70an. Menurut Taylor,<sup>43</sup> pembentukan identiti ini adalah disebabkan perkembangan idea *commodification* yang merupakan kesan daripada terjadinya Revolusi Industri pada abad ke-18. Pandangan yang lebih kurang sama juga diutarakan oleh Cronin,<sup>44</sup> yang melihat bahawa



perkembangan sukan bola sepak pada abad ke-18 adalah disebabkan wujudnya campur tangan daripada syarikat-syarikat korporat dari aspek pendanaan yang kemudiannya membentuk satu institusi atau badan pengelola untuk aktiviti tersebut. *Commodification* merupakan rangkaian sistem ekonomi kapitalis yang membentuk atau mengubah sesuatu kepada komoditi, sama ada ia berbentuk barangan, servis, idea dan pengetahuan, informasi, alam, malah tidak terkecuali, manusia. Dalam konteks ini, Critcher<sup>45</sup> menggunakan idea yang dibangunkan oleh Taylor<sup>46</sup> mengenai budaya *society of leisure* yang terbentuk tatkala wujudnya campur tangan daripada pihak korporat dalam aktiviti sukan. Menerusi paduan idea Taylor, Critcher menyenaraikan tiga identiti yang terbentuk hasil daripada budaya *society of leisure* iaitu; 1) *members*; 2) *customers*; dan 3) *consumers*.<sup>47</sup>


Walau bagaimanapun dalam kertas kerja ini, penulis hanya mengulas identiti *members* sahaja kerana ia berkait dengan topik yang dibincangkan. Critcher menyatakan bahawa kelompok *members* merupakan kelompok penyokong yang bersifat tradisional dan dihubungkan melalui pensejarahan antara penyokong dengan pasukan yang disokongnya. Melalui pensejarahan yang mengikat antara kelab kelahiran dan individu yang menyokong, terbentuk semacam satu hubungan yang bersifat peribadi dan ia disimbolkan melalui sokongan yang diberikan terhadap kelab. Manifestasi terhadap sokongan pula hadir dalam pelbagai bentuk sama ada bersifat material mahupun non-material. Antara perkara lazim yang memanasifasikan bentuk sokongan adalah seperti membeli barangan milik kelab dan juga hadir ke stadium menyokong kelab tersebut. Kelompok *members* melihat bahawa sesebuah kelab yang tumbuh di kawasan kelahirannya merupakan representatif kepada identiti seluruh warga yang lahir di kawasan tersebut. Persoalan mengenai kejayaan yang diraih oleh kelab atau pasukan bukanlah menjadi objektif utama, tetapi kesetiaan dan perasaan bangga merupakan perkara keutamaan bagi seorang *members*. Critcher menanggapi sikap yang ditunjukkan oleh kelompok *members* ini adalah sebahagian daripada pengaturan informal dalam demokrasi partisipasi (*participatory democracy*) untuk sesebuah kawasan.

Gagasan Critcher mengenai *members* ini juga memiliki persamaan dengan salah satu gagasan yang diajukan oleh Richard Giulianotti iaitu *supporters*. Melalui artikelnya yang bertajuk *Supporters, Followers, Fans and Flanuers: A Taxonomy of Spectator Identities in Football*,<sup>48</sup> Giulianotti membedah bentuk identiti kontemporari dalam kepenyokongan sukan bola sepak. Sebagaimana pandangan Critcher yang melihat bahawa identiti penyokong wujud disebabkan *commodification*, Giulianotti juga melihat perkembangan yang sama berlaku pada era kini. Akan tetapi, Giulianotti menyandarkan kerangkanya dengan melihat perkembangan teknologi serta penembusan (*penetration*) pasaran global ke dalam aktiviti sukan. Simptom perkembangan ini dianggap oleh Giulianotti<sup>49</sup> sebagai satu bentuk ketidakteraturan kapitalisme (*disorganized capitalism*), seperti mana yang diungkapkan oleh

dua orang sarjana berfahaman Marxist, Lash dan Urry.<sup>50</sup> Hubungan kapitalisme yang terjalin tidak lagi berbentuk linear seperti kebiasaan, tetapi lebih intensif dan rangkaiannya telah menghapuskan batas antara negara.

Keadaan inilah yang kemudiannya ruang demokrasi dalam konteks kepenyokongan semakin terbuka. Masyarakat memiliki hak dan bebas untuk menyatakan sokongan kepada pasukan yang dipilih olehnya secara peribadi tanpa bergantung kepada bentuk pilihan lama seperti yang dikemukakan oleh Critcher. Oleh yang demikian, Giulianiotti merasakan perlunya untuk kembali menilai identiti kepenontonan agar ia lebih bersifat kontemporari kerana telah berlaku pencairan (*fluidity*) akibat daripada perkembangan teknologi dan perubahan ekonomi yang sekaligus membentuk *hypercommodity*. Dalam konteks ini, Giulianiotti menyenaraikan pembentukan empat identiti kontemporari dalam kepenyokongan bola sepak antaranya adalah 1) *supporters*; 2) *followers*; 3) *fans*; dan 4) *flaneur*. Analisis yang dibangun oleh Giulianiotti terpecah kepada dua kutub iaitu kutub vertikal dan juga kutub horizontal. Setiap kutub dilengkapi dengan dua asas binary (*basic binary*) yang berlawanan antara satu sama lain. Untuk kutub vertikal, Giulianiotti mengisinya dengan bentuk *hot-cool*, dan kutub horizontal diisi dengan bentuk *traditional-consumer*. Setiap kutub – vertikal dan horizontal – akan membentuk satu petak yang sekaligus mengklasifikasikan kategori serta karekteristik kelompok penonton. Di dalam petak yang terbina itu, turut dimuatkan empat karekter ideal yang terbina berdasarkan pensejarahan, perubahan budaya serta pengalaman yang dialami oleh penonton, kelab, mahupun sesebuah kawasan tertentu.

**Gambarajah 1: Empat Kategori Penyokong Beserta Karektristiknya**



Sumber: Giulianiotti.R, Supporters, Followers, Fans, and Flaneur: A Taxonomy of Spectator Identity in Football. *Journal of Sport & Social Issues*. 26 (1)

Meskipun Giulianotti menyatakan empat identiti kontemporari baharu, tetapi kertas kerja ini hanya akan mengulas satu bentuk identiti sahaja iaitu *supporters* kerana ia berkaittrapat dengan perbincangan utama kertas kerja ini. Lakaran gambarajah 1 menampilkan kategori penonton kontemporari selepas tahun 1980an. Petak pertama menempatkan kelompok *supporters*. Berdasarkan gambarajah 1, garisan horizontal dan vertikal memaparkan bahawa kelompok ini merupakan jenis penonton *traditional/hot*. Manakala karekteristik yang terkandung dalam petak pemisah pula mengandungi *thick solidarity, topophilic space, grounded identity, dan subcultural relation*. *Supporters* atau penyokong dikategorikan sebagai kelompok penonton jenis klasik. Lazimnya, setiap individu atau kelompok penonton yang digelar sebagai *supporters* memiliki pertalian sejarah dan pertarungan emosi antara dirinya dengan kawasan atau kelab. Biasanya, *supporters* merupakan anak jati yang dilahirkan dan dibesarkan di kawasan di mana kelab yang disokongnya itu tumbuh.

Pertarungan emosi merupakan satu pelaburan yang bernilai kepada *supporters*. Malah, adalah menjadi satu kewajiban untuk *supporters* hadir ke stadium untuk memberi sokongan kepada pasukan yang dianggap representasi kepada kawasan tersebut. Di Amerika Selatan misalnya, stadium dianggap sebagai ‘rumah’, manakala kelab dianggap sebagai ‘ibu’, dan para penyokong menganggap diri mereka sebagai ‘anak’. Perasaan kecintaan terhadap kelab sangat menebal sehinggakan para *supporters* menganggap bahawa membeli dan melanggan produk pasukan merupakan satu tanggungjawab yang bersifat kolektif. Sikap ini juga turut ditunjukkan melalui kehadiran para *supporters* ke stadium, *coffee shop*, dan bar yang memiliki sentimen yang sama dengan para *supporters*. Lebih menarik lagi, terdapat juga *supporters* yang secara kolektif membentuk komuniti atau sub-budaya agar berbeza dengan kelompok *supporters* yang menyokong pasukan yang sama. Sebagai contoh di Liverpool, terdapat beberapa komuniti sub-budaya yang berbeza aliran misalnya komuniti *Liverpuldian, Spirit of Shankly, Kopites* dan sebagainya. Lazimnya, komuniti ini akan menghasilkan satu buku kecil yang dinamakan *fanzines*. *Fanzines* biasanya diisi dengan penulisan yang berbentuk sejarah kartun, artikel pendek, kritikan komentar, gosip pembelian pemain, idea, profil pemain, serta menyatakan sikap mereka terhadap kelab. Ia kemudiannya dijual kepada khalayak yang memiliki sentimen yang sama dengan komuniti tersebut. Malah biasanya, setiap komuniti saling bertukar produk mereka untuk melihat ‘kesahihan’ mereka sebagai *supporters*.

Penjelasan daripada dua sarjana sukan iaitu Critcher dan Giulianotti membawa kita untuk kembali menilai dan pengelaskan kedudukan *ultras* dalam identiti kepenyokongan sukan bola sepak. Pandangan Critcher mengenai members dilihat tidak memiliki perbezaan yang ketara dengan pandangan yang diberikan oleh Giulianotti mengenai *supporters*, meskipun sejarah pembentukannya berbeza disebabkan perbezaan zaman serta pengaruh-

pengaruh luar yang turut memberi implikasi terhadap pembentukannya. Dengan menilai kedua-dua pandangan ini dan kemudian melihat kembali pensejarahan pembentukan *ultras* yang pada asasnya adalah melibatkan kelompok yang memiliki pertautan sejarah peribadi dengan sesebuah kawasan, maka boleh disimpulkan bahawa *ultras* dikategorikan sebagai kelompok *members* dan sekaligus kelompok *supporters*. Akan tetapi, konteks dan latar yang diambil oleh kedua-dua sarjana ini berkisar mengenai apa yang terjadi di Eropah. Persoalan yang perlu dipertanyakan adalah bagaimana pula dengan kes yang terjadi di Malaysia yang ternyata berbeza sama sekali, tidak hanya daripada latar sejarah pembentukannya, tetapi status pasukan yang sokong. Oleh yang demikian, subtopik berikutnya mencuba untuk memberi penjelasan akan kekalutan tersebut.

### **Pembentukan Ultras di Malaysia**

Sejak tahun 2007, lanskap sukan di Malaysia khususnya sukan bola sepak menerima dua ledakan yang berbeza nadanya. Kedua-dua ledakan ini bertaut antara satu sama lain. Ledakan pertama adalah episod kegagalan pasukan bola sepak kebangsaan dalam persaingan Piala Asia 2007, yang mana Malaysia dipilih sebagai tuan rumah bersama dengan tiga buah negara ASEAN yang lain iaitu Thailand, Vietnam, dan juga Indonesia. Pelbagai cemuhan dan komentar mengalir di media arus perdana mahupun media alternatif akan masa depan sukan bola sepak yang dianggap sebagai sukan paling popular di negara ini. Meskipun menerima cemuhan, tetapi ia juga membawa sedikit rahmat sehingga terjadi ledakan kedua di mana terdapat segelintir kelompok penyokong bola sepak kebangsaan yang masih menaruh kepercayaan akan kemampuan pasukan kebangsaan. Kelompok yang dimaksudkan adalah Ultras Malaya (UM07). Kewujudan UM07 kemudiannya menjadi salah satu aktor penting dalam lanskap baharu kepenyokongan sukan bola sepak di Malaysia.

Peringkat awal penubuhan UM07 bermula melalui satu forum perbincangan daripada laman sesawang iaitu [harimaumalaya.com](http://harimaumalaya.com).<sup>51</sup> Perbincangan tersebut menghadirkan pelbagai lontaran idea daripada pencinta bola sepak tempatan. Hasil daripada perbincangan tersebut, kesepakatan dicapai dan Ultras Malaya ditubuhkan secara rasminya. Penubuhan UM07 adalah berasaskan kecintaan terhadap sukan bola sepak tanah air. Oleh yang demikian, para pendiri UM07 mensasarkan satu objektif utama yang mendukung pergerakan mereka iaitu ingin melihat satu perubahan positif dalam lanskap sukan bola sepak di Malaysia yang dilihat semakin merundum sejak berakhirnya Piala Asia 2007.<sup>52</sup> ‘Perubahan positif’ yang dimaksudkan oleh informan bukanlah mengharapkan pasukan kebangsaan secara drastik menemui kejayaan, tetapi lebih kepada satu bentuk pembaikpulihan dari dalam melalui pemerksaan bakat akar umbi, penaiktarafan liga bola sepak tempatan, serta pengurusan yang telus daripada pihak berwajib seperti persatuan bola

sepak negeri dan badan bola sepak kebangsaan. UM07 melihat bahawa kerancuan sukan bola sepak di Malaysia adalah disebabkan tidak ditadbir dengan baik dan telus.

Kewujudan UM07 sebenarnya berbeza sama sekali dengan tumbuhnya kelompok ultras dan hooligan di Eropah mahupun di Amerika Selatan. Antara perbezaan yang paling ketara adalah status pasukan yang disokong. Di Eropah dan Amerika Selatan, ultras menyatakan sokongan mereka kepada pasukan yang berstatus kelab dan dianggap sebagai representasi kepada sesuatu kawasan. Oleh yang demikian, kebanyakan ahli yang menyertai ultras lazimnya merupakan penduduk tempatan yang memiliki pertautan sejarah dengan kawasan tersebut.<sup>53</sup> Ia berbeza sama sekali dengan sokongan UM07 kerana sifatnya lebih besar iaitu pernyataan sokongan terhadap pasukan yang berstatus negara iaitu pasukan kebangsaan Malaysia. Persoalan mengapa UM07 bermula dengan pernyataan sokongan kepada pasukan yang berstatus negara ada kaitannya dengan tragedi dan kemerunduman prestasi sukan bola sepak kebangsaan yang sebelum ini boleh dianggap sebagai antara salah sebuah pasukan yang disegani di Asia dan di Asia Tenggara.<sup>54</sup> Hal ini kerana UM07 percaya bahawa dengan menyatakan sokongan kepada pasukan kebangsaan, ia setidaknya dapat memberi motivasi kepada para pemain yang berjuang atas nama negara, selain memberi kesedaran kepada warga betapa pentingnya menyalurkan sokongan terhadap pasukan bola sepak kebangsaan dan sukan bola sepak tempatan.

Kedua-dua pernyataan yang disuarakan oleh UM07 ada asasnya. Ketidakhadiran warga dalam memberi sokongan kepada pasukan kebangsaan serta kurangnya sokongan terhadap sukan bola sepak tempatan berkemungkinan berkait rapat dengan prestasi terumbang-ambing pasukan kebangsaan, selain ketidakpercayaan warga terhadap kemampuan liga bola sepak tempatan yang dikatakan mula tercemar selepas terjadinya skandal rasuah yang melibatkan para pemain dan pentadbiran sukan bola sepak berlaku pada tahun 1994. Oleh yang demikian, UM07 mengambil iktibar daripada peristiwa ini dengan mewujudkan satu gerakan 'pembersihan' terhadap sukan bola sepak di Malaysia.<sup>55</sup> Gerakan tersebut dimanifestasikan melalui beberapa piket dan protes terhadap badan bola sepak tertinggi negara iaitu FAM. Selain itu, aksi protes terhadap perlawanan antarabangsa yang melibatkan pasukan kebangsaan juga turut diadakan. Antara protes yang paling diingati adalah seperti *Selayang Terror*<sup>56</sup> dan *Shah Alam Terror* yang turut mendapat liputan daripada media antarabangsa seperti *BBC*, *Daily Mirror* dan *The Guardian*.<sup>57</sup> Tindakan agresif daripada UM07 ini dianggap sebagai satu perbuatan yang memalukan kerana ia melibatkan nama baik negara. Akan tetapi pada satu sisi yang lain khususnya di pihak UM07, tindakan ini adalah untuk mengembalikan martabat sukan bola sepak di Malaysia, selain memberi kesedaran kepada warga akan keseriusan mereka dalam aspek kepenyokongan.<sup>58</sup>

Sejak penubuhan UM07 pada tahun 2007, budaya ultras semakin berkembang di Malaysia. Berdasarkan catatan penulis serta maklumat yang diberikan oleh informan,<sup>59</sup> boleh dikatakan setiap pasukan yang bertanding dalam liga bola sepak tempatan memiliki kelompok ultrasnya sendiri. Jadual 1 memaparkan kelompok ultras yang dibangun mengikut pasukan negeri dan kelab bola sepak yang bertanding di dalam liga bola sepak tempatan selepas tahun 2009.

**Jadual 1: Senarai Kelompok Penyokong Ultras Seluruh Negeri di Malaysia**

No	Pasukan	Tahun Penubuhan	Jolokan
1	Perak FA	2009	Silver State Ultras
2	Kedah FA	2009	Ultras Kedah 09
3	Selangor FA	2010	UltraSel
4	Johor Darul Takzim FC	2010	Boys of Straits
5	Kelantan FA	2010	Gate H Boys
6	Negeri Sembilan FA	2010	Ultras Nogori 9
7	Pahang FA	2010	Elephant Army
8	Perlis FA	2011	Brigate Gialloblu Perlis
9	Terengganu FA	2011	Ultras Tranung
10	Melaka FA	2011	Ultras Taming Sari
11	Sabah FA	2011	North Borneo Ultras
12	Sarawak FA	2011	GB I3
13	Pulau Pinang FA	2011	Ultras Panthers
14	UiTM FC	2011	Lionstroof Ultras
15	Kuala Lumpur FA	2012	Citiboys Ultras
16	UKM FC	2013	Ultras Tarantula
17	Felda United FA	2014	The Settlers
18	Selangor PKNS FC	-	Ultras Curva PKNS

Sumber: Carian laman sesawang rasmi *Facebook* kelompok Ultras mengikut negeri dan kelab. Ia kemudian disesuaikan dan bentuk jadual dan telah disahkan oleh informan berdasarkan temu bual pada 26.9.2019. Rujuk juga laporan daripada Wan Jalaini Razak Berita Harian, 7 Januari 2015

Walaupun pada asasnya, fokus utama UM07 adalah untuk menyokong pasukan bola sepak kebangsaan, namun khidmat kelompok *ultras* ini tidak terbatas kepada sesuatu jenis sukan. Antara jenis sukan yang mendapat sorotan daripada UM07 adalah sukan hoki. Paparan video berdurasi 2.06 minit yang dimuatnaik ke laman *youtube* oleh *International Hockey Federation* (FIH) bertarikh 9 Julai 2013 memaparkan aksi UM07 yang turut memberi sokongan kepada para pemain hoki kebangsaan. Perkara serupa juga turut dinyatakan dalam laman sosial Facebook rasmi Ultras Malaya pada 25 April 2014 yang menjemput para *comrade* untuk hadir Stadium Hoki Wisma Belia Kuantan untuk memberi sokongan kepada pasukan hoki kebangsaan dalam menghadapi

cabaran Kejohanan Juara-Juara FIH. Walaupun informan menyatakan ketidaksetujuannya akan perkara ini kerana atas alasan identiti – informan percaya bahawa UM07 hanya untuk sukan bola sepak, tetapi ia sudahpun menunjukkan perkembangan budaya *ultras* secara meluas dan tidak hanya memfokuskan kepada sukan bola sepak, tetapi juga terhadap jenis sukan lain.

### **Karakter, Sikap dan Etika**

Setiap kelompok *ultras* lazimnya memiliki karakter tersendiri. Walaupun ia terkadang dilihat sebagai satu bentuk kepenyokongan yang sejagat (universal), namun kita tidak boleh menolak bahawa terdapat juga bentuk kepenyokongan yang bersifat partikular sebagai contoh idea dan motif utama pembentukan kelompok dan sebagainya. Berdasarkan data yang diperolehi,<sup>60</sup> UM07 sedikit sebanyak menunjukkan perkara tersebut melalui paparan karakter dan sikap yang ditampilkan dalam menyatakan sokongan kepada pasukan negara. Kedua-dua perkara ini diselia berdasarkan beberapa garis panduan etika yang disediakan oleh ‘orang kuat’ UM07 dan perlu dipatuhi oleh comrade yang berada di *terrace* yang telah disediakan.

Karakter, sikap dan etika UM07 sebenarnya berkait antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga aspek ini digabungkan dalam satu bentuk, seperti yang dipaparkan dalam Gambar 1. Kebiasaannya sebelum atau menjelang perlawanan yang melibatkan pasukan kebangsaan, UM07 akan mengundang para warga untuk hadir ke stadium bersama-sama memberi sokongan terhadap pasukan kebangsaan. ‘Undangan’ tersebut tidaklah menyatakan bahawa setiap warga perlu menyertai UM07 di *terrace*,<sup>61</sup> tetapi ia semacam satu bentuk ‘pesanan’ dan ‘ingatan’ kepada warga bahawa pasukan kebangsaan akan menghadapi satu perlawanan antarabangsa. ‘Undangan’ ini lazimnya disampaikan melalui medium media sosial seperti Facebook dan Twitter. UM07 juga akan meminta *comrade* atau *ultras* negeri untuk berkongsi maklumat tersebut di akaun media sosial mereka agar ‘pesanan’ dan ‘ingatan’ tersebut tersebar secara meluas. Lebih menarik lagi, ‘pesanan’ dan ‘ingatan’ yang disampaikan melalui *flyer* mahupun poster lazimnya berbau nasionalisme. Antara ungkapan yang sering digunakan oleh UM07 adalah ‘national calling’<sup>62</sup> atau ‘panggilan pertiwi’.



Gambar 1: Etika di curva Ultras Malaysia



Sumber: Laman Rasmi Twitter Ultras Malaysia

Dari segi pemakaian pula, UM07 telah menetapkan beberapa syarat yang penting untuk dipatuhi oleh *comrade*, seperti yang dipaparkan melalui gambar 1. *Comrade* yang hadir diwajibkan untuk memakai baju serba hitam, berkasut, dan membawa bersama mafla rasmi UM07, bendera Malaysia, ataupun mafla yang sinonim kepada negara dan UM07. Pematuhan kod pemakaian ini pada asasnya adalah untuk keselamatan pada *comrade* yang berada di *terrace*<sup>63</sup> kerana sepanjang tempoh perlawanan berlangsung, *comrade* akan berdiri dan melakukan pergerakan-pergerakan tertentu mengikut arahan daripada *curva crew* (CC), yang juga menerima arahan daripada ketua pergerakan iaitu *Capo* (C). Biasanya, seorang *Capo* akan berdiri di barisan hadapan *terrace* untuk mengepalai pergerakan. Tugas utama seorang *Capo* adalah untuk memberi arahan gerakan, nyanyian, serta sorakan yang telah dirancang selaras dengan paluan gendang yang dimainkan. Manakala peranan *Curva Crew* (CC) pula adalah memanjangkan mesej atau simbol yang diarahkan oleh *Capo* untuk disampaikan kepada *comrade*. Formasi ini tujuannya sama seperti kod pemakaian, iaitu membentuk keseragaman sama ada dalam sorakan, nyanyian, mahupun pergerakan. Sorakan dan nyanyian disampaikan menggunakan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan Malaysia. Menariknya, kesemua jenis sorakan dan lagu merupakan karya asli UM07 dan ia menjadi ikutan kepada kelompok ultras semua pasukan yang berstatus negeri.

UM07 juga turut menyediakan beberapa peraturan dan kod etika yang perlu dipatuhi oleh *comrade* ketika berada di *terrace*. Menerusi gambar 1, dapat diperhatikan setidaknya tiga peraturan atau kod etika yang perlu

dipatuhi. Pertama, UM07 tidak membenarkan *comrade* yang menyertai terrace mengambil video dan foto. Berdasarkan temu bual alasan utama UM07 tidak membenarkan perkara ini adalah disebabkan UM07 sudah menyediakan individu yang bertanggungjawab untuk merakam dan mengambil foto aksi UM07 di *terrace* dalam sesuatu perlawanan. *Comrade* hanya perlu dan diminta untuk fokus memberi sokongan kepada pasukan melalui sorakan, nyanyian, dan pergerakan. Selain itu, UM07 juga tidak membenarkan *comrade* wanita untuk berada di *terrace* utama yang dipenuhi oleh *comrade* lelaki. Ia tidak memberi makna bahawa UM07 bersifat bias gender, tetapi untuk mengelakkan sesuatu perkara buruk yang tidak diingini. Walau bagaimanapun berdasarkan kajian lapangan penulis,<sup>64</sup> UM07 menyediakan satu kawasan khusus kepada golongan wanita dan warga kurang upaya (OKU) di bahagian atas *terrace* dan kawasan tersebut hanya dikhususkan kepada dua golongan ini sahaja.

Kriteria yang dipaparkan oleh UM07 mungkin bersifat sejagat (universal) tetapi terdapat beberapa perkara yang bersifat partikular. Sebagai contoh kriteria yang bersifat sejagat adalah seperti keperluan untuk bersorak, menyanyi, dan melakukan pergerakan-pergerakan tertentu sebagai simbolik kepada sokongan. Namun begitu, pengisian melalui lagu dan sorakan ini bersifat partikular kerana ia disampaikan menggunakan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan Malaysia dan difahami oleh setiap lapisan. Tambahan pula, penekanan terhadap etika dan peraturan yang diciptakan oleh UM07 ini berkemungkinan tataraca perdana dalam lanskap *ultras* di seluruh dunia dan ia dibina berdasarkan budaya yang diamalkan di Malaysia.

### **Ultras Malaya: Medium Kepada Pembentukan Tapak Integrasi?**

Ultras Malaya yang dibentuk pada tahun 2007 adalah berasaskan kecintaan terhadap sukan bola sepak dan memasang hasrat untuk melihat perubahan positif terhadap perkembangan sukan bola sepak tanah air. Kecintaan UM07 ini disampaikan melalui aksi kepenyokongan. Ia dimanifestasikan melalui kesediaan para *comrade* untuk hadir ke stadium dan memberi sokongan kepada pasukan kebangsaan, khususnya. Pada satu sisi, tindakan ini dilihat sebagai suatu perkara biasa untuk setiap penyokong sukan bola sepak, tetapi jika analisis Critcher dan Giulianotti disandarkan kepada perkara ini, ia memperlihatkan bahawa tindakan kelompok penyokong tidak hanya sekadar hadir ke stadium memberi sokongan, tetapi ia merupakan satu tindakan pemaparan identiti, kebanggaan, semangat, serta mengangkat kebudayaan sesuatu kawasan.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, budaya *ultras* dalam lanskap sukan bola sepak di Malaysia mula mengembangkan sayapnya selepas tahun 2009. Perkembangan tersebut dapat dilihat dengan merujuk kepada jadual 1.1 yang dipaparkan dalam subtopik sebelumnya. Jadual 1.1 memperlihatkan tumbuhnya kelompok *ultras* di setiap negeri di seluruh Malaysia. Malah tidak ketinggalan juga, pasukan-pasukan yang berstatus kelab seperti UKM FC,

UiTM FC, Selangor PKNS, dan Felda United turut mengambil inisiatif yang sama seperti pasukan negeri dengan membentuk kelompok ultras masing-masing. Jika diperhatikan berdasarkan jadual 1.1, pembentukan *ultras* di setiap negeri hanya bermula pada tahun 2009, dua tahun selepas kewujudan UM07. Berdasarkan temu bual, informan mengakui bahawa perkembangan positif ini merupakan pengaruh besar yang dibawa oleh UM07 yang telah membuka mata kepada penyokong bola sepak negeri untuk mewujudkan kelompok *ultras* sendiri. Pandangan yang dikemukakan oleh informan boleh diterima dengan menyandarkan kepada kedudukan Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ) yang terletak di tengah-tengah Kuala Lumpur, selain daripada paparan media khususnya televisyen dan surat khabar akan kelibat UM07.

Kedudukan SNBJ yang terletak di Kuala Lumpur memudahkan akses kepada penyokong bola sepak pasukan kebangsaan yang datangnya daripada negeri-negeri berdekatan seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Kuala Lumpur. Dengan memiliki akses yang mudah, para penyokong dari negeri-negeri berdekatan mungkin terkesan dengan aksi UM07 yang memberi sokongan padu kepada pasukan kebangsaan, meskipun hanya disertai oleh 20 orang penyokong sahaja pada awal penubuhannya. Keadaan ini barangkali telah memberi kesedaran kepada penyokong-penyokong bola sepak di negeri-negeri berdekatan betapa pentingnya untuk kembali menyubur dan memberi dukungan kepada pasukan bola sepak negeri yang sebelum ini, kelihatan begitu suram. Situasi yang sama juga mungkin terjadi di negeri-negeri yang berada di Pantai Timur, Utara, dan di Malaysia Timur. Akan tetapi medium yang mewujudkan ‘kesedaran’ akan pentingnya menyokong pasukan negeri dibentuk oleh media. Paparan media seperti televisyen dan surat khabar yang melaporkan bahawa wujudnya satu kelompok penyokong bola sepak yang masih teguh untuk memberi sokongan, meskipun kedudukan pasukan kebangsaan berada di tahap yang kritikal mungkin telah menyuntik penyokong pasukan negeri untuk mewujudkan budaya kepenyokongan mereka sendiri. Perkara ini boleh dirujuk berdasarkan jadual 1.1 yang memperlihatkan pertumbuhan kelompok *ultras* di setiap negeri dan berdasarkan jadual tersebut, dari tahun 2009 sehingga 2014, boleh dikatakan setiap pasukan yang bertanding dalam liga bola sepak tempatan memiliki kelompok *ultras* sendiri.

Lebih menarik lagi, kesemua kelompok *ultras* yang tumbuh di setiap negeri ini tidak hanya memberi sokongan kepada pasukan negeri masing-masing, tetapi kelompok ini kemudian bergabung dalam UM07 apabila pasukan kebangsaan bakal menghadapi sesuatu perlawanan antarabangsa. Integrasi yang terjalin antara kelompok *ultras* daripada pelbagai negeri ini memperlihatkan wujudnya kesatuan dalam kalangan peminat sukan bola sepak dan ia dimanifestasikan melalui budaya *ultras*. Walaupun disadari bahawa perkara sebegini hanya dapat diwujudkan dalam satu-satu masa tertentu, selain mengambil kira keadaannya yang bersifat sementara (temporal), tetapi ia boleh dijadikan sebagai salah satu landasan kepada pembinaan kepada

tapak integrasi di Malaysia kerana salah satu perkara yang dipertontonkan adalah pembentukan *moment of unity* khususnya dalam kalangan peminat bola sepak itu sendiri. Pembentukan *moment of unity* ini adalah suatu perkara yang berlaku tanpa sedar dan hujah ini boleh diperkukuhkan berdasarkan laporan Zulfaizan Mansor<sup>65</sup> dan Syafiq Aznan<sup>66</sup> yang menyatakan berita penjualan tiket perlawanan yang habis terjual sehari sebelum pasukan kebangsaan beraksi. Laporan ini sekaligus menggambarkan kepada dua perkara iaitu kejayaan UM07 dalam memberi kesedaran kepada warga untuk menyatakan sokongan terhadap sukan bola sepak di Malaysia dan kedua, kembali memupuk semangat cintakan negara dan ia disampaikan melalui aktiviti kepenyokongan.

Kesedaran yang terbina ini telah membuka mata kepada semua pihak dan sejak tahun 2010, kewujudan UM07 sudah mula diterima oleh masyarakat secara umumnya. Malah mantan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Abdul Rahman dan jurulatih bola sepak kebangsaan Tan Cheng Hoe juga turut merasa 'kehilangan' sekiranya UM07 tidak menampilkan aksi mereka ketika pasukan kebangsaan sedang menghadapi sesuatu perlawanan.<sup>67</sup> Apa yang lebih menarik untuk diteliti adalah UM07 yang mendapat jolokan sebagai 'pemain ke-12' ini membuka ruang kepada sesiapa sahaja yang ingin menyertai mereka tanpa mengira perbezaan-perbezaan tertentu seperti status sosial, etnik, agama dan sebagainya. Laporan Berita Harian menyatakan bahawa UM07 bukanlah sebuah pertubuhan yang berdaftar dan memerlukan individu untuk mengisi borang keahlian, tetapi ia merupakan pintu terbuka kepada sesiapa sahaja yang mencintai sukan bola sepak tempatan. Bahkan, temu bual yang disediakan oleh Diyana AR<sup>68</sup> melalui portal media online, thevocket.com juga menyatakan perkara sedemikian. Penekanan UM07 adalah kepada aspek kepenyokongan terhadap sukan bola sepak di Malaysia dan pasukan kebangsaan. Malah, UM07 juga menyedari akan kemajmukan komposisi masyarakat di Malaysia. Maka, penekanan akan penggunaan nama 'Malaysia' dan kata 'kebangsaan' itu sendiri sudahpun menjelaskan keterbukaan yang cuba ditonjolkan oleh kelompok ini dan lebih menarik lagi, ia juga turut dipaparkan melalui slogan-slogan dan *chanting* UM07 seperti 'Demi Lencana di Dada', 'Sehati Sejiwa', 'Tanah Tumpah Darahku' dan sebagainya.

## Kesimpulan

Sejak tahun 1970an lagi, Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Abdul Razak menyedari bahawa aktiviti sukan sebenarnya mampu untuk membangun perpaduan di Malaysia. Namun begitu memandangkan Malaysia pada ketika itu memberi fokus kepada pembangunan sektor ekonomi, maka peranan aktiviti sukan kurang mendapat perhatian meskipun pihak kerajaan menyedari akan peri pentingnya aktiviti sukan dalam mewujudkan perpaduan antara warga. Walau bagaimanapun, tidaklah dikatakan bahawa pihak kerajaan khususnya menisihkan aktiviti sukan, tetapi pendekatan *top-down* yang dilaksanakan

oleh kerajaan melalui penekanan terhadap polisi dan strategi hanya memberi impak terhadap pembangunan sukan, tetapi kurang memberi impak terhadap pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Ia berbeza sekali dengan pendekatan *bottom-up* yang dibangun oleh UM07 melalui sukan bola sepak. Meskipun budaya *ultras* di Malaysia masih 'hijau' jika dibandingkan dengan pembentukan budaya *ultras* di benua lain seperti Eropah dan Amerika Selatan, namun impak yang ditampilkan oleh UM07 jelas memberi kesan yang positif, khususnya dalam aspek perpaduan. Walaupun disedari bahawa budaya yang dibawa oleh UM07 ini bersifat sementara (*temporal*) akibat daripada jadual perlawanan antarabangsa yang terhad, namun ia sudah memberi gambaran bahawa melalui aktiviti kepenyokongan dalam sukan, pembinaan integrasi dalam kalangan masyarakat mampu untuk diwujudkan. Pembinaan tapak integrasi melalui aktiviti sukan ini harus dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak dan ia tidak hanya ditekankan di peringkat nasional, tetapi juga di peringkat negeri dan akar umbi.

## Nota Akhir

1. Shamsul Amri Baharuddin., 2014. Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Akar, Tiga Konsep Keramat. Ucaptama untuk 'Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman. JPNIN.
2. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang satu langkah yang bersifat sosioekonomi. Ia merupakan satu dasar yang bersifat jangka panjang dan memperuntukkan masa selama 20 tahun (1971-1990) untuk mencapai objektif yang disasarkan. Antara objektif tersebut adalah 1) mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum; 2) mempercepatkan penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kebanyakan sarjana di Malaysia menyetujui bahawa objektif yang disasarkan ini sebenarnya memiliki matlamat yang tersirat iaitu untuk mencapai Perpaduan Nasional. Oleh yang demikian, pelaksanaan DEB dijoloki dengan dasar serampang dua mata. Sila rujuk Shamsul AB. 1979. *RMK: Tujuan dan pelaksanaannya, satu penilaian teoritis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Objektif pertama ini adalah bertujuan untuk menambah pendapatan masyarakat. Maka, DEB mengunjurkan dua cara untuk yang harus dilaksanakan untuk mencapai objektif tersebut. Cara pertama adalah melalui penggunaan teknologi moden dan kemudahan-

kemudahan lain. Penggunaan teknologi moden ini merujuk kepada sektor pertanian di mana penekanan diberikan terhadap tiga perkara iaitu; 1) penggunaan teknik-teknik baru dalam pengeluaran, 2) pengurusan moden, 3) penggunaan jentera (labour intensive). Manakala kemudahan-kemudahan lain yang dimaksudkan adalah kemudahan dari segi pemasaran, kredit, pinjaman, perkhidmatan-perkhidmatan lanjutan, dan juga penyelidikan. Berkenaan objektif yang kedua, DEB mengenalpasti tiga aspek ketidakseimbangan iaitu; 1) ketidakseimbangan dari segi pendapatan, 2) ketidakseimbangan dari segi guna tenaga, dan 3) ketidakseimbangan dari segi hak milik. Menurut Shamsul, sebelum 1957, keseimbangan ekonomi tidak diberi perhatian secara serius kerana pembangunan ekonomi Tanah Melayu secara keseluruhan dirancang oleh British. Akibatnya, berlaku ketidakseimbangan ekonomi seperti yang telah dikenalpasti di atas. Maka, DEB menegaskan bahawa harus ada mekanisme yang proaktif untuk menangani masalah ini. DEB yang di dalamnya terkandung RMK, mengemukakan tiga mekanisme untuk menyelesaikan permasalahan ini. Pertama, hasil utama pembangunan ekonomi hendaklah dibahagikan dengan adil agar keseimbangan ekonomi dapat dicapai. Kedua, keseimbangan ini juga bererti pembahagian adil dari segi pengurusan, hak milik, dan juga pekerjaan dalam beberapa sektor ekonomi dalam kalangan rakyat. Ketiga, penekanan mengenai keseimbangan antara kawasan dimana dalam hal ini, terdapat dua aspek yang penting untuk ditekankan iaitu 1) kawasan luar bandar dan bandar, 2) antara negeri-negeri di Malaysia. Shamsul A.B, *RMK: Tujuan dan Pelaksanaannya, Satu Penilaian Teoritis*, 1979. Bab 5, Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 116-139.

4. Dasar Kebudayaan Kebangsaan mensasarkan tiga objektif utama iaitu 1) mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui Kebudayaan; 2) memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan; dan 3) memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi. Untuk mencapai objektif tersebut, pihak kerajaan menyediakan lima strategi pelaksanaan antaranya adalah; 1) pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usaha sama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya; 2) mengikat dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha-usaha membimbing dan melatih peminat, mendukung dan mengerak kebudayaan seluas-luasnya sebagai jentera pembangunan yang berkesan; 3) mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia; 4) memenuhi keperluan sosiobudaya;

- dan 5) meninggikan taraf dan mutu kesenian. Meskipun aktiviti sukan tidak dinyatakan secara jelas dalam perkara ini, tetapi ia secara automatiknya termaktub di dalam perancangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, memandangkan dasar ini dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sila rujuk Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) Bab XVI Artikel V; Hamdan Mohd Ali 2002. *The British colonial legacy; sport and politics in multi-ethnic Malaysia from 1800 to 2000*. Ph. D Thesis, Centre for the Study of Sport in Society, University of Warwick. hlm. 143.
5. Rogayah Estar. 2008. *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Dasar-dasar utama Kerajaan Malaysia, suntingan Yusof Ismail. Cetakan ketiga. Penerbit A.S Noordeen, Kuala Lumpur. hlm. 47-51.
  6. Mohd Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
  7. Integrasi merupakan satu proses untuk mewujudkan satu identiti nasional khususnya dalam kelompok atau kumpulan yang terpisah dari segi budaya, sosial, bahasa, dan nilai tanpa menghapuskan budaya yang sedia ada. Dalam konteks Malaysia sejak mencapai kemerdekaan, pendekatan integrasi menjadi sandaran utama dalam menguruskan kepelbagaian. Sila rujuk Shamsul Amri Baharuddin. 2014. *Modul hubungan etnik*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
  8. Abdul Rahman Abdul Aziz. 2010. *Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara*. Dalam Proceeding Seminar on National Resilience (SNAR 2010), Political Managements and Policies in Malaysia. hlm. 443-457.
  9. Majlis Sukan Negara (MSN) ditubuhkan pada tahun 1971 dan diletakkan dibawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Agensi ini diperkukuh dengan pelaksanaan Akta Majlis Sukan Negara yang turut dibentuk pada tahun yang sama. Penubuhan MSN berteraskan kepada tiga perkara iaitu; 1) meningkatkan keupayaan fizikal, mental, moral dan persekitaran sosial yang sihat dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti sukan dan rekreasi; 2) menyediakan peluang-peluang integrasi dan keharmonian kaum, serta kerjasama dalam kalangan komuniti yang berbeza melalui sukan dan rekreasi; 3) mengasaskan dan membangunkan masyarakat yang dinamik selari dengan proses pembangunan negara melalui penglibatan sepenuhnya dalam kegiatan sukan dan rekreasi. Meskipun ditubuhkan pada tahun 1971, namun perasmianya hanya disempurnakan beberapa bulan selepas itu atau pada 22 Februari 1972. Sila rujuk Mohd Salleh Aman, *Sukan dalam masyarakat Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, 2004: hlm 35.
  10. *Ibid.* hlm. 49.



11. Pentingnya aktiviti sukan dalam memupuk perpaduan dinyatakan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Abdul Razak dalam ucapannya ketika merasmikan Majlis Sukan Negara pada tahun 1972. Ucapan beliau berbunyi begini; “the founding of this Council proved the serious attention by government towards sport as one of the tools for the nation’s development and unity. Sila rujuk teks ucapan perasmian Majlis Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan 1972; Hamdan Mohd Ali 2002. *The British colonial legacy; sport and politics in multi-ethnic Malaysia from 1800 to 2000* Ph.D Thesis, Centre for the Study of Sport in Society, University of Warwick. hlm. 158.
12. *Ibid.* hlm. 142.
13. Sport is one positive factor that can create a suitable environment to unite the people from all levels, if properly executed. Sport has special position for it does not create barrier based on racial heritage nor religion. The different background of the people needs a common factor to create a feeling that everybody is in the same country” Teks ini merupakan teks ucapan Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak semasa lancarkan perasmian Majlis Sukan Negara pada 21 Februari 1972. Sila rujuk; Hamdan Mohd Ali. 2002. *The British colonial legacy; sport and politics in multi-ethnic malaysia from 1800 to 2000*. Ph. D Thesis, Centre for the Study of Sport in Society, University of Warwick. hlm. 158.
14. Butcher. J. G. 1979. *The British in Malaya 1889-1941: The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. hlm. 118.
15. Pernyataan minat dalam konteks sukan bola sepak tidak hanya terhad kepada pasukan sahaja. Ia bersifat luas dan pernyataan minat juga boleh merujuk kepada pemain atau jurulatih, ideologi, pandangan politik, sikap, dan sebagainya.
16. Sofea Susan Albert Kassim. 2017. *Ultras Malaya tak merajuk, bakal gelar Stadium Hang Jebat, Mstar [5 September 2017]*; Syafiq Aznan. 2019. *Tiket perlawanan Malaysia- Indonesia hampir habis. Berita Harian [17 November 2019]*.
17. Istilah kepenyokongan ini sebenarnya tidak wujud dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah ini menjadikan perkataan ‘sokong’ sebagai akar. Dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka online, istilah sokong memberi maksud sesuatu perbuatan yang menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kebendaan. Kata terbitan kepada perkataan sokong pula adalah ‘penyokong’ dan ‘sokongan’ yang memberi maksud individu atau kelompok yang menyokong dan sikap yang dinyatakan oleh individu atau kelompok penyokong. Untuk merangkumkan semua istilah ini

- dalam satu bentuk, penulis menggunakan istilah kepenyokongan yang membawa makna pernyataan sikap, emosi, dan tingkah laku dalam kalangan individu dan kelompok penyokong.
18. Penulis mengadakan sesi temu bual bersama informan pertama pada 26 September 2019, bertempat di Bangi, Selangor. Manakala temu bual bersama informan kedua pula diadakan pada 20 Februari 2020 bertempat di Stadium Shah Alam, Selangor.
  19. Testa. A. 2019. The Ultras: An emerging social movement? *Review of European Studies*, 1 (2). hlm. 54.; Testa. A. & Armstrong. G. 2010. *Football, Fascism and Fandom: The Ultras of Italian football*. A&C Black Publisher Ltd. hlm. 105.; Doidge. M. 2014. *Whose game is it? Supporters and football governance*. Football research in an Enlarged Europe. hlm. 1-9.
  20. Testa. A. 2009. The Ultras: An emerging social movement? *Review of European Studies*, 1 (2).
  21. Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*. 26:1, hlm. 25-46.; Lopes.P & Cordeiro. M. 2015. *Football, crowd, and power: Reflexions on the "contagion theory"*. 15. hlm. 470-495.
  22. Testa. A. 2009. The Ultras: An emerging social movement? *Review of European Studies*, 1 (2). hlm. 49.
  23. Temu bual bersama informan pada 26 September 2019.
  24. Walaupun kelompok ultras dalam sukan bola sepak tumbuh mekar di Eropah, tetapi tidak semua negara Eropah menggunakan frasa ultras untuk merujuk kepada kelompok penyokongnya. Sebagai contoh di England, kelab-kelab kecil yang terkenal dengan sikap kepenyokongan yang sama seperti ultras di Itali seperti Millwall, West Ham United dan sebagainya, tidak menggunakan frasa ultras. Konsep ultras juga tidak begitu popular di England berbanding di negara-negara Eropah yang lain. Kelompok penyokong di England menggunakan istilah hooligans yang bentuknya hampir sama dengan kelompok ultras. Sila rujuk Taylor, I., 1971a. "*Football mad: A speculative sociology of football hooliganism.*" In E. Dunning (ed.), *The sociology of sport: A selection of readings*, London: Frank Cass, pp. 352 – 377.
  25. Testa. A. 2009. The Ultras: An emerging social movement? *Review of European Studies*, 1 (2).; Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*. hlm. 25-46.
  26. Dowd. J. & Laura A. Dowd. 2003. The center holds: From subcultures to social worlds. *Teaching sociology*, Vol. 31, No.1. (Jan 2003). hlm. 20-37.

27. Yinger, J. Milton. 1977. Countercultures and Social Change. *American Sociological Review*. 42: hlm. 833-53.; Kendall. D. 1998. *Sociology in Our Times: The Essentials*. Belmont, CA: Wadsw.
28. Cohen. P. 1997. *Rethinking the Youth Question: Education, Labour and Cultural Studies*. Palgrave MacMillan. Basingstoke, United Kingdom.; Caroline Marcus. 2008. *Inside the clash of the teen subcultures*. The Sydney Morning Herald. <https://www.smh.com.au/national/inside-the-clash-of-the-teen-subcultures-20080330-gds7cn.html> [30 March 2008].; Alexis Petridis. 2014. *Youth subcultures: what are they now?* The Guardian.com. <https://www.theguardian.com/culture/2014/mar/20/youth-subcultures-where-have-they-gone> [20 March 2013].
29. Cohen. P. 1997. *Rethinking the Youth Question: Education, Labour and Cultural Studies*. Palgrave MacMillan. Basingstoke, United Kingdom.
30. John Clarke. 1973. Football hooliganism and the Skinheads. *Center for Contemporary Cultural Studies*. The University of Birmingham. hlm. 1.; Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. et. al. 2016. Punk dan budaya penentangan: Kajian kes Rumah Api, Kuala Lumpur *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 1. ms. 112.
31. Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. et. al. 2016. Punk dan budaya penentangan: Kajian kes Rumah Api, Kuala Lumpur. *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 1. hlm. 108.
32. FC St Pauli merupakan salah satu kelab bola sepak yang pada masa kini, berada di Liga Divisyen 2 Jerman (2. Bundesliga). FC. St. Pauli memiliki kelompok ultras yang dikenali sebagai Ultras Sankt (St.) Pauli. Kelompok Ultras St. Pauli mendapat sorotan daripada pihak media kerana pernyataan sikap politik kiri mereka, selain ia disertai oleh individu atau kelompok sub-budaya punk, khususnya kelompok punk di bandar Hamburg. Ultras St. Pauli juga merupakan pemegang taruh kepada kelab FC. St. Pauli. Oleh yang demikian, segala keputusan yang melibatkan kelab tidak hanya diputuskan oleh kelompok pengurusan, tetapi juga ia dibincangkan dan dipersetujui oleh kelompok Ultras St. Pauli. Tindakan ini adalah bertujuan untuk memastikan budaya tempatan terus kekal, khususnya dalam kelompok penyokong FC. St. Pauli. Sila rujuk Petra Daniel & Christos Kassimeris. 2013. *The politics and culture of FC St. Pauli: From leftism, through anti-establishment, to commercialization*. Soccer & Society. Routledge Taylor & Francis Group. pp. 1-16.
33. Tom Vague. 2013. *Flashbacks of a bootboys*. Graphic Research Group. University of the arts London. London college of communication. hlm. 10-11.
34. John Clarke. 1973. Football hooliganism and the Skinheads. *Center*

- for Contemporary Cultural Studies*. The University of Birmingham. hlm. 1.
35. John Clarke. 1973. Football hooliganism and the Skinheads. *Center for Contemporary Cultural Studies*. The University of Birmingham. hlm. 7.; Carroll. R. 1980. Football hooliganism in England *International Review of Sport Sociology*. Volume 15, Issue 2, hlm. 77.
  36. Richard Mills. 2009. 'It all ended in an unsporting way': Serbian football and the disintegration of Yugoslavia, 1989-2006. *The International Journal of the History of Sport*. 26:9. hlm. 1187-1217.; Perasovic. B. & Mustapic. M. 2014. Football, politics and cultural memory: The case of HNK Hajduk Split. *Culture*. 2. hlm. 51-61.; Perasovic. B. & Mustapic. M. 2017. Torcidas and Bad Blue Boys: From hatred to cooperation and back. *Football Fans, Rivalry and Cooperation*, Edition: Routledge Research in Sport, *Culture and Society*. hlm. 108-124.
  37. Perasovic. B. & Mustapic. M. 2014. Football, politics and cultural memory: The case of HNK Hajduk Split. *Culture*. 2. hlm. 53.
  38. Richard Mills. 2009. 'It all ended in an unsporting way': Serbian football and the disintegration of Yugoslavia, 1989-2006. *The International Journal of the History of Sport*. 26:9. hlm. 1187-1217.
  39. William McDougall. 2013. Kicking from the left: The friendship of Celtic and FC St. Pauli supporters. *Soccer & Society*. 14;2. hlm. 238
  40. John Clarke. 1973. Football hooliganism and the Skinheads. *Center for Contemporary Cultural Studies*. The University of Birmingham.; Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*. hlm. 25-46.; Testa. A. 2009. The Ultras: An emerging social movement? *Review of European Studies*, 1 (2).; Richard Mills. 2009. 'It all ended in an unsporting way': Serbian football and the disintegration of Yugoslavia, 1989-2006. *The International Journal of the History of Sport*. 26:9. hlm. 1187-1217.; Perasovic. B. & Mustapic. M. 2014. Football, politics and cultural memory: The case of HNK Hajduk Split. *Culture*. 2. hlm. 51-61.
  41. Critcher, C., 1979. "Football since the war: A study in social change and popular culture. *Centre for Contemporary Cultural Studies*. University of Birmingham.
  42. Taylor, I., 1971a. "Football mad: A speculative sociology of football hooliganism." In E. Dunning (ed.), *The sociology of sport: A selection of readings*, London: Frank Cass, pp. 352 – 377.
  43. Ibid.
  44. Cronin. M. 2014. *Sport: A very short introduction*. Oxford University Press.
  45. Critcher, C., 1979. "Football since the war: A study in social change

- and popular culture. *Centre for Contemporary Cultural Studies*. University of Birmingham.
46. Taylor, I., 1971b. "Soccer consciousness and soccer hooliganism." In S. Cohen (ed.), *Images of deviance*, Harmondsworth, UK: Pelican, hlm. 147-148.
47. Critcher, C., 1979. "Football since the war: A study in social change and popular culture. *Centre for Contemporary Cultural Studies*. University of Birmingham. hlm. 170.
48. Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*. hlm. 35.
49. *Ibid*. hlm. 32.
50. Lash, S., and Urry, J. 1994. The end of organized capitalism, United Kingdom: Polity. *Leisure and Recreation*, 37 (4), 5-22.
51. Temu bual bersama informan pada tahun 2019 dan 2020.
52. Tanggapan ini merupakan pandangan pribadi informan khususnya selepas melihat kedudukan pasukan kebangsaan dalam senarai negara yang berdaftar dibawah organisasi bola sepak dunia iaitu Federation Internationale de Football Association (FIFA). Berdasarkan ranking FIFA tahun 2007, pasukan kebangsaan menduduki tempat 154 daripada 199 buah negara yang berdaftar. Kedudukan negara-negara jiran Asia Tenggara jauh lebih baik jika dibandingkan dengan pasukan kebangsaan. Sebagai contoh, Thailand (107), Indonesia (127), dan Singapura (132). Lebih memeranjatkan, kebanyakan negara-negara kepulauan kecil dan negara-negara yang sedang menghadapi konflik mencatatkan kedudukan yang jauh lebih baik daripada pasukan kebangsaan, meskipun tidak mempunyai kemudahan yang baik seperti Malaysia. Sebagai contoh negara yang menghadapi perang seperti Iraq (80), Libya (87), manakala negara kepulauan kecil seperti St. Vincent (103), Surinam (125), Bermuda (130) dan lain-lain lagi.
53. Critcher, C., 1979. "Football since the war: A study in social change and popular culture. *Centre for Contemporary Cultural Studies*. University of Birmingham.; Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*.
54. Charles Little. 2013. 'Hamlet without the Prince': understanding Singapore–Malaysian relations through football, *Soccer & Society*, 14:5, 635-651.
55. Temu bual bersama informan pada 20 Februari 2020.
56. Pada 2 Mac 2014, Ultras Malaya menyatakan sikap dan tuntutan mereka sempena Pemilihan Kongres FAM untuk penggal 2014-2018. Tuntutan UM07 adalah untuk memastikan hala tuju sukan bola sepak negara berada di landasan sebenar. UM07 menuntut barisan

- kepimpinan FAM untuk bertanggungjawab ke atas kerosakan-kerosakan yang telah berlaku dalam lanskap sukan bola sepak tempatan. Oleh yang demikian, UM07 menyenaraikan 20 tuntutan dan sebab-musabab kenapa perlunya rombakan dalam kepimpinan FAM. Sila rujuk 20 tuntutan UM07 dalam pautan ini. <https://ms-my.facebook.com/harimaumalayadotcom/posts/ultras-malaya-menuntut-barisan-kepimpinan-fam-dirombak-secara-besar-besaran-sema/10152287775542074/>.
57. Mazani Chan Yat Sin. 2015. Insiden Ultras Malaya ‘mengamuk’ di Shah Alam memalukan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/node/80735> [9 September 2015].
  58. Temu bual bersama informan pada 20 Februari 2020.
  59. Temu bual bersama informan pada 26 September dan 20 Februari 2020.
  60. Temu bual bersama informan pada 20 Februari 2020.
  61. Terrace merupakan kawasan atau sudut yang dipilih oleh kelompok ultras di dalam sebuah stadium untuk menempatkan kelompok dalam aktiviti kepenyokongan. Di Itali dan beberapa negara lain, kawasan ini dinamakan sebagai Curva yang membawa maksud, kawasan, sudut atau lengkungan. Kawasan, sudut atau lengkungan ini lazimnya akan diberi nama khas untuk memastikan kawasan tersebut identik dengan kelompok ultras untuk sesebuah pasukan. Antara nama sudut atau lengkungan yang biasanya digunakan oleh ultras adalah curva sud yang dan juga curva nord. Curva Sud adalah kawasan yang berada di selatan stadium manakala curva nord pula adalah kawasan yang utara stadium. Biasanya, penyokong pasukan lawan tidak dibenarnya untuk duduk dikawasan yang menempatkan kelompok ultras. Pemisahan ini adalah untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan antara penyokong. Sila rujuk Testa. A. & Armstrong. G. 2008. Words and actions: Italian Ultras and Neo-Fascism. *Journal for the Study of Race, Nation and Culture*. pp. 1-28.
  62. Secara literal, alih bahasa kepada istilah national calling adalah panggilan nasional. Namun, penulis cenderung untuk menggunakan perkataan pertiwi kerana berdasarkan slogan-slogan serta flyer yang disebarkan oleh Ultras Malaya, ia lebih sinonim dengan perkataan pertiwi. Antara slogan yang sering dilaungkan oleh UM07 adalah seperti ‘Tanah Tumpah Darahku’. Berdasarkan carian di Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRM), istilah pertiwi membawa maksud ‘Ibu’, ‘Tanah Tumpah Darah’, atau ‘Tanah Air Sendiri’.
  63. Temu bual bersama informan pada 26 September dan 20 Februari 2020.
  64. Kedua-dua penulis hadir ke Stadium Nasional Bukit Jalil untuk menjalankan kajian lapangan pada 19 November 2019.

65. Zulfaizan Mansor. 2018. Tiket Malaysia-Myanmar macam pising goreng panas. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2018/11/499451/tiket-malaysia-myanmar-macam-pising-goreng-panas>, [18 November 2018].
66. Syafiq Aznan. 2019. Tiket perlawanan Malaysia-Indonesia hampir habis. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/11/629292/tiket-perlawanan-malaysia-indonesia-hampir-habis> [17 November 2019].
67. Sofea Susan Albert Kassim. 2017. Ultras Malaya tak merajuk, bakal gegar Stadium Hang Jebat. Mstar. [https://www.mstar.com.my/sukan/2017/09/05/ultras-malaya-kelayakan-piala-asia?itm\\_source=parse-api](https://www.mstar.com.my/sukan/2017/09/05/ultras-malaya-kelayakan-piala-asia?itm_source=parse-api) [5 September 2017].; Berita Harian. 2019. Kim Swee terus tagih sokongan penonton. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/03/544492/kim-swee-terus-tagih-sokongan-penonton> [23 Mac 2019].; Jumiati Rosly. 2019. Syed Saddiq rindu semangat Ultras Malaya. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/03/543818/syed-saddiq-rindu-semangat-ultras-malaya> [21 Mac 2019].
68. Diyana AR. 2014. Kevin Tan buktikan Ultras Malaya bukan milik Melayu sahaja. The Vocket.com. <https://www.thevocket.com/kevin-tan-ultras-malaya/> [17 Disember 2014].

## Rujukan

- Abdul Rahman Abdul Aziz. Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara. Dalam In: Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia". ms. 443-457.
- Alexis Petridis. 2014. Youth subcultures: what are they now? The Guardian. <https://www.theguardian.com/culture/2014/mar/20/youth-subcultures-where-have-they-gone> [20 March 2013].
- Berita Harian. 2018. Kronologi kes rasuah bola sepak Malaysia. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180219/282428464661954> [18 Februari 2018].
- Berita Harian. 2019. Kim Swee terus tagih sokongan penonton. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/03/544492/kim-swee-terus-tagih-sokongan-penonton> [23 Mac 2019].
- Butcher, J.G. 1979. *The British in Malaya 1889-1941: The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Capron, A.M. 2017. Human Commodification: Professions, Governments, and the Need for Further Exploration. *New Cannibal Markets: Globalization and Commodification of the Human Body*, p.397.



- Caroline Marcus. 2008. Inside the clash of the teen subcultures. *The Sydney Morning Herald*. <https://www.smh.com.au/national/inside-the-clash-of-the-teen-subcultures-20080330-gds7cn.html> [30 March 2008].
- Carroll. R. 1980. Football hooliganism in England. *International Review of Sport Sociology*. Volume 15, Issue 2, page(s): 77-92.
- Charles Little. 2013. 'Hamlet without the Prince': understanding Singapore–Malaysian relations through football, *Soccer & Society*, 14:5, 635-651.
- Cohen. P. 1997. *Rethinking the Youth Question: Education, Labour and Cultural Studies*. Palgrave MacMillan. Basingstoke, United Kingdom.
- Critcher, C. 1979. "Football since the war". In J. Clarke, C. Critcher, and R. Johnson (eds).
- Diyana AR. 2014. Kevin Tan buktikan Ultras Malaya bukan milik Melayu sahaja. *The Vocket.com*. <https://www.thevocket.com/kevin-tan-ultras-malaya/> [17 Disember 2014].
- Dowd. J. & Laura A. Dowd. 2003. The center holds: From sulcultures to social worlds. *Teaching sociology*, Vol. 31, No. 1 (Jan 2003). pp. 20-37.
- E. B. Taylor. 2010. *Primitive culture: Researches into the development of mythology, philosophy, religion, art, and custom*. Cambridge University Press.
- Four Four Two. 2003. Uncivil war: Why Partizan Belgrade vs Red Star Belgrade is more than a game. <https://www.fourfourtwo.com/features/uncivil-war-why-partizan-belgrade-vs-red-star-more-game> [1 Mac 2003].
- Gullick, J. M. 1987. *Malay society in the late Nineteenth Century*, Singapore: Oxford University Press.
- Giulianotti. R. 2002. Supporters, Followers, Fans, and Flaneurs: A taxonomy of spectator identities in football. *Journal of Sport & Social Issues*. 26:1. hlm. 25-46.
- Hamdan Mohd Ali. 2002. *The British Colonial Legacy; Sport and politics in Multi-Ethnic Malaysia from 1800 to 2000*. Ph. D Thesis, Centre for the Study of Sport in Society, University of Warwick.
- History of Gravedigger (Grobari Beograd). <http://balkanskinavijaci.com/history-of-gravediggers-grobari-beograd/#:~:text=The%20beginning%20of%20Grobari%20movement%20as%20a%20supporters%20group%20is,first%20proper%20groups%20of%20Grobari.> [19 April 2018].
- Hochschild, A. R. 1983. *The managed heart: Commercialization of human feeling*, Berkeley: University of California Press.
- John Clarke. 1973. *Football hooliganism and the Skinheads*. Center for Contemporary Cultural Studies. The University of Birmingham. pp. 1-17.
- Jumiati Rosly. 2019. Syed Saddiq rindu semangat Ultras Malaya. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/03/543818/>

- syed-saddiq-rindu-semangat-ultras-malaya [21 Mac 2019].
- Kendall, D. 1998. *Sociology in Our Times: The Essentials*. Belmont, CA: Wadsw.
- Kevin, B. & Robin Valeri. 2005. Examining Differences in Skinheads Ideology and Culture Through an Analysis of Skinhead Websites. *Michigan Sociological Review*, Vol. 19 (Fall 2005). pp. 45-62.
- Khoo Kay Kim. 1989. "The Historical Development of Sports in Malaysia". In Prof. Dr. Horst Ueberhorst (ed.), *Geschichte der Leibesübungen*, Berlin: Bartel & Wernitz, pp. 684-701.
- Kuper, S and Szymanski, S., 2009. *Soccernomics: why England loses, why Germany and Brazil win, and why the U.S., Japan, Australia, Turkey - and even Iraq - are destined to become the kings of the world's most popular sport*, New York: Nation Books.
- Lash, S., and Urry, J. 1994. *The end of organized capitalism*, United Kingdom: Polity. *Leisure and Recreation*, 37 (4), 5-22.
- Lee Kuok Tiung dan Mohd Safar Hasim. 2016. Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Jebat: Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43,(1), 1-8.
- Liam Newman. 2014. A world of ultras: Red Star. These Football Times.com. <https://thesefootballtimes.co/2014/11/08/a-world-of-ultras-red-star/> [8 November 2014].
- Lopes, Filipe. & Cordeiro, Mariana. 2015. *Football, crowd and power: Reflexions on the "contagion theory"*. 15. 470-495.
- Malaysia. 1971. *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*.
- Mariana Cordeiro. 2009. Organized fans of Brazilian football: singularities and similarities with other groups of fans from South America and Europe. *Revista Espaço Academico – N 104*. Janeiro. pp. 75-83.
- Mark Doidge. 2014. *Whose game is it? Supporters and football governance*. Football research in an Enlarged Europe. pp. 1-19.
- Mazani Chan Yat Sin. 2015. Insiden Ultras Malaya 'mengamuk' di Shah Alam memalukan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/node/80735> [9 September 2015]
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2009. Pembinaan negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat: Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 36, 90-106.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2011. Tun Abdul Razak Biography: Statement and patriot. *Jebat: Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 38, 165-168.
- Mohamad Salleh Aman. 2004. *Sukan dalam masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, pp. 49.
- Mohd Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Perasovic. B. & Mustapic. M. 2014. *Football, politics and cultural memory: The case of HNK Hajduk Split*. Culture. 2. pp. 51-61.
- Perasovic. B. & Mustapic. M. 2017. Torcidas and Bad Blue Boys: From hatred to cooperation and back. *Football Fans, Rivalry and Cooperation*, Edition: *Routledge Research in Sport, Culture and Society*. pp. 108-124.
- Percy, S. 2000. *History of Football in Malaysia 1900-2000*, PNS Publishing Sdn. Bhd.
- Petra Daniel & Christos Kassimeris. 2013. The politics and culture of FC St. Pauli: From leftism, through anti-establishment, to commercialization. *Soccer & Society*. Routledge Taylor & Francis Group. pp. 1-16.
- Rafael West. 2019. The birthday of Football Ultras. *Football Talk*. <https://www.footballtalk.org/stories/italy-the-birthplace-of-football-ultras/> [20 April 2019].
- Rebecca Gillie. 2019. The rise and fall of English football hooliganism. *The Week*. <https://www.theweek.co.uk/101607/the-rise-and-fall-of-english-football-hooliganism> [6 Jun 2019].
- Richard Mills. 2009. 'It all ended in an unsporting way': Serbian football and the disintegration of Yugoslavia, 1989-2006. *The International Journal of the History of Sport*. 26:9. pp. 1187-1217.
- Rogayah Estar. 2008. *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Dasar-dasar utama Kerajaan Malaysia, suntingan Yusof Ismail. Cetakan ketiga. Penerbit A.S Noordeen, Kuala Lumpur. ms. 47-51.
- Shafizan Johari. 2018. Inilah ASEAN sebenar! Ultras Malaya berpesta di jalanan Hanoi, warga tempatan sambut mesra. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/inilah-asean-sebenar-ultras-malaya-berpesta-di-jalanan-hanoi-warga-tempatan-sambut-mesra-193687> [16 Disember 2018]
- Shamsul Amri Baharuddin. 1977. *RMK: Tujuan dan pelaksanaannya satu penilaian teoritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2014. *Modul hubungan etnik*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2014. *Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Akar, Tiga Konsep Keramat*. Ucaptama untuk 'Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman. JPNIN.
- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. et. al. 2016. Punk dan budaya penentangan: Kajian kes Rumah Api, Kuala Lumpur. *Kajian Malaysia*, Vol. 34, No. 1. ms. 107-133.
- Sofea Susan Albert Kassim. 2017. Ultras Malaya tak merajuk, bakal gelar Stadium Hang Jebat. *Mstar*. [https://www.mstar.com.my/sukan/2017/09/05/ultras-malaya-kelayakan-piala-asia?itm\\_source=parsely-api](https://www.mstar.com.my/sukan/2017/09/05/ultras-malaya-kelayakan-piala-asia?itm_source=parsely-api) [5 September 2017].

- Sulaiman Ismail 2019. Ultras Malaya sebulat suara boikot Piala Airmarine 2019. <https://www.semuanabol.com/ultras-malaya-sebulat-suara-boikot-piala-airmarine-2019/> [19 Mac 2019].
- Syafiq Aznan. 2019. Tiket perlawanan Malaysia-Indonesia hampir habis. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/11/629292/tiket-perlawanan-malaysia-indonesia-hampir-habis> [17 November 2019].
- Taylor, I. 1971a. "Football mad: A speculative sociology of football hooliganism." In E. Dunning (ed.), *The sociology of sport: A selection of readings*, London: Frank Cass, pp. 352 – 377.
- Taylor, I. 1971b. "Soccer consciousness and soccer hooliganism." In S. Cohen (ed.), *Images of deviance*, Harmondsworth, UK: Pelican, pp. 134 – 163.
- Testa, A. 2009. "The UltraS: An Emerging Social Movement?", *Review of European Studies*, 1(2), 54-63.
- Testa, A. & Armstrong, G. 2008. Words and actions: Italian Ultras and Neo-Fascism. *Journal for the Study of Race, Nation and Culture*. pp. 1-28.
- Testa, A. & Armstrong, G. 2010. *Football, Fascism and Fandom: The Ultras of Italian football*. A&C Black Publisher Ltd.
- Tom Vague. 2013. *Flashbacks of a bootboys*. Graphic Research Group. University of the arts London. London college of communication. pp. 10-11.
- Torcida Split. 2016. Establishment of Torcida. <http://www.torcida.hr/povijesna-cinjenica/osnivanje-torcide/> [3 March 2016]
- William McDougall. 2013. Kicking from the left: The friendship of Celtic and FC St. Pauli supporters. *Soccer & Society*. 14;2. pp. 230-245. *Working class culture: Studies in history and theory*, London: Hutchinson, pp. 161-184.
- Yinger, J. Milton. 1977. Countercultures and Social Change. *American Sociological Review*. 42: pp 833-53.
- Zulfaizan Mansor. 2018. Tiket aksi Malaysia-Thailand licin. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2018/11/503379/tiket-aksi-malaysia-thailand-licin> [29 November 2018].
- Zulfaizan Mansor. 2018. Tiket Malaysia-Myanmar macam pisang goreng panas. <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2018/11/499451/tiket-malaysia-myanmar-macam-pisang-goreng-panas> [18 November 2018].

## **Nota Biografi**

Muhammad Helmy Abd. Gapar (muhammadhelmyabdgapar@gmail.com) merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurzalyna Mohamed Zaki (zalynazaki@gmail.com) merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Kerajaan (COLGIS) Universiti Utara Malaysia.